

30 MAR 1998

Umno-Kubang Kerian

SETIAUSAHA SULIT ANNUAR KETUAI UMNO KUBANG KERIAN

KOTA BAHARU, 30 Mac (Bernama) -- Setiausaha Sulit kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Tuan Hashim Tuan Yaacob dilantik sebagai ketua UMNO bahagian Kubang Kerian pada mesyuarat agong perwakilan bahagian itu semalam.

Tuan Hashim yang sebelum ini memegang jawatan timbalan ketua bahagian itu, menggantikan Mat Zin Awang yang telah dilucut hak bagi bertanding sebarang jawatan parti oleh Majlis Tertinggi UMNO bulan lepas, atas kesalahan disiplin.

Anggota Dewan Undangan Negeri Salor, Ahmad Rosli Ibrahim yang sebelum ini memegang jawatan naib ketua bahagian dilantik sebagai timbalan ketua UMNO bahagian.

Mesyuarat badan perhubungan Umno Kelantan yang dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 11 Mac lepas, memutuskan Tuan Hashim menggantikan Mat Zin sebagai ketua bahagian itu.

Mesyuarat badan perhubungan itu juga memutuskan supaya jawatan timbalan ketua bahagian Kubang Kerian serta tiga lagi bahagian -- iaitu Gua Musang, Peringat dan Tumpat tidak dicabar pada pemilihan yang berlangsung sepanjang dua minggu lepas.

Langkah itu sejajar dengan arahan supaya semua jawatan ketua bahagian di negeri itu tidak dipertandingkan bagi mengekalkan kestabilan dan keharmonian di kalangan anggota parti.

Ketika ditemui di sini, Tuan Hashim berkata jawatan naib ketua bahagian dimenangi oleh Nik Abdul Rahman Nik Taib dengan majoriti 14 undi setelah mendapat 209 undi mengalahkan Mustapa Mat Deris yang mendapat 195 undi.

Katanya, seramai 424 orang perwakilan daripada 135 cawangan hadir pada mesyuarat yang dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd Shafie Apdal. -- BERNAMA

MNR WAT